

# **KLASIFIKASI *AKTIONSART* PREDIKAT KEADAAN BAHASA MELAYU**

*Noraini Salleh*

cikgu\_ann@yahoo.com

*Maslida Yusof*

maslida@ukm.my

*Karim Harun*

linguist@ukm.my

Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

## **Abstrak**

Pembahagian kata kerja mengikut makna leksikal telah dilakukan dalam kalangan ahli tatabahasa bahasa Melayu, antaranya Asmah Haji Omar (1993, 2008). Selain meninjau kata kerja berdasarkan fungsi nahan kata kerja, beliau turut melihat makna leksikal, yakni berdasarkan makna yang dibawa oleh kata kerja itu sendiri. Menurutnya, kata kerja digolongkan kepada dua subsistem, iaitu kata kerja perbuatan yang mempunyai gerak dinamik atau proses dan kata kerja statif atau keadaan yang tidak mempunyai gerak. Selanjutnya, Maslida *et al.* (2008) dan Maslida Yusof (2012) pula mengelaskan kata kerja dalam bahasa Melayu berdasarkan aspek situasi dan membahagikan kata kerja atau predikat bahasa Melayu kepada keadaan, pencapaian, penyempurnaan, aktiviti, aktif penyempurnaan, semelfaktif dan versi kausatif bagi setiap kelas kata kerja. Kesemua kelas kata kerja ini diklasifikasikan dengan merujuk satu set ujian sintaksis dan semantik seperti yang dianjurkan dalam Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan. Sehubungan dengan itu, dengan memberi fokus kepada kelas atau predikat keadaan dan menggunakan

data Korpus UKM-DBP sebagai bahan contoh ayat, makalah ini akan menjelaskan ciri predikat keadaan dan memperincikan jenis predikat keadaan dalam bahasa Melayu. Tinjauan menyeluruh terhadap kata keadaan ini dilakukan oleh sebab predikat keadaan merupakan salah satu jenis predikat asas yang mendefinisikan perkaitan tematik selain kata kerja aktiviti (Van Valin, 2005).

Kata kunci: makna leksikal, klasifikasi *aktionsart*, predikat keadaan, Teori Tatabahasa Peranan dan Rujukan (TPR)

### ***Abstract***

*The classification of verbs according to its lexical meaning has been done by Malay grammarians, notably Asmah Hj Omar (1993, 2008). Apart from observing the grammar functions of verbs, Asmah (1993, 2008), had also scrutinised the lexical meaning i.e based on meaning carried by the verbs. According to her, verbs can be divided into two subsystem namely action verbs which have dynamic motion or process and stative verbs or state verbs which do not have motion. In addition to this, Maslida et al. (2008) and Maslida (2012) had classified Malay verbs based on the situation aspects and these studies had further divided Malay verbs into state verbs, achievement verbs, accomplishment verbs, activity verbs, active accomplishment verbs, semelfactive verbs and a causative version of each of them. These verbs are classified with reference to a set of syntactic and semantics test as proposed by Role and Reference Grammar (RRG). Thus, by focusing on state predicates and utilising UKM-DBP corpus database as an instance, this paper will explain the features of state predicates and specify the types of Malay state predicates. The overview to the state predicates is due to the state predicates being one of the basic predicates which defines thematic relations (Van Valin 2005).*

*Keywords: lexical meaning, aktionsart classification, state predicates, Role and Reference Grammar Theory (RRG)*

## **PENDAHULUAN**

Dowty (1979) membincangkan dan mengembangkan klasifikasi kerjaan (Vendler, 1957, 1967) yang dikenali sebagai Kelas *Aktionsart*, kepada empat kelas berbeza berdasarkan penaabiran logik, interaksi dengan penerang temporal dan interaksi dengan kala. Keempat-empat klasifikasi

tersebut ialah keadaan, aktiviti, pencapaian dan penyempurnaan. Kelas *Aktionsart* memberi perhatian kepada ciri hakiki temporal bagi kata kerja, iaitu keterbatasan ( $\pm$  titik penamat), jangka masa ( $\pm$  ketepatan masa) dan kedinamikan ( $\pm$  statik) (Van Valin, 2005). Melalui kriteria ini, aktiviti, pencapaian, dan penyempurnaan ialah [- statik] manakala kata kerja keadaan ialah [+ statik]. Kata kerja keadaan dan aktiviti adalah tidak bertitik penamat (*atelic*), sementara pencapaian dan penyempurnaan adalah bertitik penamat. Oleh itu, pencapaian ialah tepat masa sementara penyempurnaan tidak. Keadaan dan aktiviti [-titik penamat] secara definisinya melibatkan tempoh masa, oleh itu kedua-duanya sentiasa [-ketepatan masa]. Makalah ini akan menjelaskan jenis dan ciri predikat<sup>1</sup> keadaan dalam bahasa Melayu. Tumpuan pada kata keadaan kerana dalam TPR, kelas keadaan dan kelas kata aktiviti dianggap sebagai predikat primitif kerana kedua-dua predikat ini berupaya membentuk atau menerbitkan kelas kata kerja yang lain. Bahkan, dalam sistem dekomposisi leksikal, hanya kedua-dua jenis predikat ini yang mendefinisikan perkaitan tematik yakni perkaitan semantik antara predikat dan argumennya yang mengungkapkan peranan peserta dalam hubungan keadaan yang ditunjukkan oleh kata kerja. Perkaitan tematik atau posisi argumen inilah yang menghasilkan beberapa subkelas bagi kelas kata kerja keadaan. Antaranya termasuklah subkelas atributif, sikap proposisi dan identifikasi.

## **PREDIKAT KEADAAN**

Situasi keadaan dianggap sebagai situasi yang mempunyai peristiwa yang bersifat berterusan dan malar. Predikat ini secara mutlakanya bersifat homogenus kerana tidak mengandungi struktur dalaman (*internal structure*), maka kelas keadaan ini tidak mempunyai ciri penamat.

## **SUBKELAS KATA KERJA KEADAAN**

Subkelas kata keadaan boleh dikelompokkan dalam dua kumpulan utama, iaitu (i) subkelas yang memiliki argumen tunggal dan (ii) memiliki dua argumen. Kata kerja keadaan juga memiliki dua jenis predikat, iaitu predikat “peringkat bertahap” (*stage-level*) dan predikat “peringkat individu” (*individual-level*) (Maslida Yusof *et al.*, 2008). Predikat peringkat bertahap menggambarkan situasi yang tidak semestinya kekal, misalnya berdiri, baring, duduk atau tidur. Kesemua predikat ini boleh hadir bersama-sama

penanda progresif *sedang*. Sebaliknya pula, predikat peringkat individu merujuk sifat atau keadaan yang kekal. Umpamanya kata kerja *terletak* dalam ayat “Kampung itu *terletak* di tepi sungai.” Predikat peringkat individu ini tidak menerima progresif *sedang*, misalnya \*Kampung itu *sedang terletak* di tepi sungai. Bahagian berikutnya akan menjelaskan jenis predikat keadaan bahasa Melayu dan seterusnya membincangkan ciri predikat tersebut.

## PREDIKAT KEADAAN KONDISI

Subkelas ini biasanya merujuk keadaan atau kondisi penderita. Ahli bagi subkelas ini merupakan kata kerja yang terdiri daripada hasil keadaan (*result state*) atau kata kerja yang merujuk “keadaan baharu” yang terhasil disebabkan sesuatu peristiwa sebelumnya. Dalam bahasa Melayu, predikat keadaan yang melibatkan hasil keadaan ini antaranya terdiri daripada kata adjektif, seperti letih, penat, sakit, sembuh, lapar, kenyang, rosak, bersih, kotor, masak (buah), musnah, binasa, dahaga, kosong (rumah), kotor, seronok, riang, ria, gembira, bahagia, runsing, sedih, kecewa, koyak, pecah, patah, remuk, kusut. Ayat (1)-(6) merupakan contoh ayat yang mengandungi predikat keadaan kondisi.

- (1) Nampak benar kucing itu **lapar**.
- (2) Badannya **letih** kerana tidak cukup tidur.
- (3) Enam bulan lebih dia **sakit**.
- (4) Norajij mengusap pipinya dengan tikung baju yang sudah **koyak** dan berdebu.
- (5) Entah bagaimana sewaktu sedang membeli ikan kembong yang sudah **pecah** perutnya itu, saya terserempak dengan kawan lama.
- (6) Tidak hairanlah sekiranya warna tersebut masih jelas dan kekal walaupun tikar atau bakul anyaman tersebut sudah **rosak**.

## PREDIKAT KEADAAN KEHADIRAN

Subkelas ini pula berkait dengan perihal kewujudan suatu entiti. Asmah Haji Omar (2008:110) menyenaraikan *ada*, *wujud*, dan *sedia* sebagai ahli bagi subkelas ini. Mashudi Kader *et al.* (2005) pula menyatakan bahawa kata kerja keadaan kehadiran ialah ayat yang menggunakan kata kerja *ada*

dengan pengertian wujud. Misalnya, dalam ayat “*Ada* setahun lagi”, kata kerja *ada* berfungsi sebagai kata kerja kehadiran yang disubkategorisasikan sebagai kata kerja yang perlu diikuti oleh satu komplemen frasa nama. Selain itu, kata ini juga dapat berfungsi sebagai kata kerja kehadiran dalam ayat yang subjeknya merupakan frasa nama tentu (*definite*) seperti “Tuhan itu *ada*”.

Maslida Yusof (2008) membahagikan kata kerja *ada* yang membawa pengertian wujud mengikut dua keadaan. Pertama, kewujudan sesuatu entiti misalnya “Ali *ada*” (bukan Ali tiada). Kedua, kewujudan sesuatu entiti pada sesuatu lokasi seperti “*Ada* orang di surau”.

Walau bagaimanapun, ayat “*Ada* orang di surau” merujuk subkelas kehadiran kerana frasa preposisi berserta lokasinya boleh digugurkan dan masih merujuk “*Ada* orang”. Subkelas ini turut dianggotai oleh kata kerja yang memerihalkan sesuatu entiti pada suatu lokasi dengan syarat maklumat lokasi tersebut bersifat opsyenal, iaitu boleh dikedepankan seperti dalam (7a) atau digugurkan misalnya (7b).

- (7) Ada sebuah motokar Alfa Romeo berwarna merah bercampur biru **di depan tangga dataran**.
- (7a) **Di depan tangga dataran** ada sebuah motokar Alfa Romeo berwarna merah bercampur biru.
- (7b) Ada sebuah motokar Alfa Romeo berwarna merah bercampur biru.

Yang berikut pula merupakan beberapa contoh penggunaan kata kerja *wujud* yang menganggotai subkelas ini.

- (8) Poligami **wujud** dalam Islam.
- (9) Masalah dalaman ini paling sukar dilihat dengan mata kasar, tetapi ia sebenarnya memang **wujud** dalam kehidupan manusia kini.
- (10) Sebenarnya, dunia jin memang **wujud** di sekeliling kita.

Sementara bagi kata kerja *sedia* seperti dakwaan Asmah Haji Omar (2008:110) pula, penulis berpendapat bahawa kata kerja ini hanya akan membawa pengertian wujud apabila muncul bersama dengan kata kerja *ada* atau *wujud* seperti dalam ayat yang berikut:

- (11) Pentadbiran Jepun terpaksa mencetak wang baru tanpa memperhitungkan nilai wang kertas yang **sedia ada**.

- (12) Apabila sifat-sifat itu **sedia ada** dalam kelompok, akan timbullah rasa diterima, faham, disokong dan kepercayaan di antara satu dengan lain.
- (13) Beliau berkata, peranan Wawasanita berbeza berbanding dengan pertubuhan atau persatuan wanita yang bergiat dalam perniagaan yang **sedia wujud**.

Oleh hal yang demikian, ahli bagi subkelas ini yang muncul dalam bentuk kata dasar ialah kata kerja *ada* dan *wujud*.

## PREDIKAT KEADAAN LOKASI

Subkelas keadaan ini terdiri daripada beberapa kata kerja yang berhubung dengan tempat. Hal yang membezakannya dengan kata kerja kehadiran (yakni *ada* dan *wujud*) ialah maklumat lokasi perlu dibekalkan untuk menyempurnakan maknanya. Antara contoh dalam bahasa Melayu termasuklah tinggal, menetap, hidup,<sup>2</sup> berada, dan terletak. Maslida Yusof (2009) menamakannya sebagai kata kerja keadaan “menetap” seperti *tinggal* dan *ada/berada*, iaitu predikat merujuk posisi lokasi peserta yang memerlukan argumen lokatif untuk melengkapkan makna bagi kalimat tersebut. Contoh lain penggunaan kata kerja ini adalah seperti yang berikut:

- (14) Kami **tinggal** di Kampung Damai lebih daripada 10 tahun.
- (15) Mohamad **menetap** di California bersama isterinya, Rusaini Mohamad, 46, serta anak mereka Badaruddin Amiruddin, 20, Rosanna, 13, Amir Hisham, 9 tahun.
- (16) Annan **berada** di Baghdad dalam misi yang disifatkan sebagai usaha terakhir bagi menyelesaikan kebuntuan yang dihadapi oleh pemeriksa senjata PBB serta mengelakkan penggunaan ketenteraan terhadap Iraq.
- (17) Puncak Mahligai yang terbakar itu **terletak** kira-kira 800 meter daripada puncak Gunung Ledang.

Berdasarkan contoh dalam ayat di atas, dapat disimpulkan bahawa kata kerja yang menganggotai subkelas ini boleh juga terdiri daripada predikat keadaan yang merujuk postur atau *stance*. Maslida Yusof (2008) menamakan kata kerja begini sebagai kata kerja *meletak* yang merujuk perletakan sesuatu entiti ke sesuatu lokasi dengan andaian adanya posisi tetap yang tidak melibatkan perubahan lokasi. Tambah beliau, penggunaan utama kata kerja ini umumnya adalah untuk menunjukkan posisi badan manusia atau haiwan.

Hal ini samalah dengan pengkelasan yang dibuat oleh Maslida *et al.* (2008:250) terhadap kata kerja keadaan seperti berdiri, duduk dan baring yang boleh hadir bersama-sama penanda progresif *sedang*. Kata kerja ini juga dilabelkan sebagai predikat *stage-level* kerana menggambarkan keadaan yang tidak semestinya kekal. Hal ini bermaksud, keadaan ini boleh berubah sama ada kembali ke posisi asal atau posisi lain. Namun, kata kerja ini masih dikategorikan sebagai kata kerja keadaan kerana tidak ada apa-apa perubahan yang berlaku kepada pengalami. Misalnya dalam ayat (19) – (21).

- (18) Asri **duduk** di atas batang kayu.  
(19) Syarifah Aini **berdiri** di ambang pintu tengah.  
(20) Fatimah **berbaring** di ruang tamu rumahnya.

Ringkasnya, subkelas kata kerja keadaan lokasi dalam bahasa Melayu terbahagi kepada dua, iaitu (i) kata kerja yang merujuk kewujudan sesuatu entiti di suatu lokasi, misalnya, *tinggal, berada, terletak, menetap*; dan (ii) kata kerja yang merujuk posisi badan atau postur tubuh seseorang seperti *duduk, berbaring, berdiri, dan meniarap*.

## PREDIKAT KEADAAN PERSEPSI

Perkataan yang menganggotai subkelas ini menghuraikan persepsi atau tanggapan penanggap (*perceiver*) terhadap rangsangan (*stimulus*) yang ditanggapi oleh deria lihat, bau, dengar, dan rasa. Dalam bahasa Melayu antara perkataan yang dapat dianggap sebagai subkelas keadaan persepsi ialah kata kerja *mengesan, melihat, merasakan, mendengar, melihat, bau, rasa, semak (di), menyiasat, mengamati, penglihatan, belajar, menonton, saksi, menganga, melongo, melihat, mengintip, menghidu, dan menatap*. Berdasarkan contoh yang diberi, maka subkelas ini boleh dibahagikan kepada tiga jenis persepsi, iaitu berkaitan dengan perihal (i) lihat; (ii) dengar; (iii) bau; dan (iv) rasa.

Walau bagaimanapun, kata kerja persepsi ini sebenarnya dapat dipecahkan kepada tiga kategori. Pertama, kata kerja yang menunjukkan bahawa penanggap sedang “memfokus” pada suatu objek. Kata kerja inilah yang boleh hadir bersama-sama penanda progresif “sedang”. Misalnya:

- (21) Dia sedang **mendengar** radio.
- (22) Mereka sedang **melihat** gambar itu.
- (23) Halimah sedang **menghidu** bau bunga itu.

Kedua, kata kerja yang merujuk persepsi umum seseorang tentang sesuatu. Biasanya kata kerja ini bersifat bukan progresif (*non-progressive*) seperti yang berikut:

- (24) Tiba-tiba Saraswathy **terdengar** suara tangisan bayi.
- (25) Ketika membaca akhbar, kita **terpandang** iklan.
- (26) Dalam keadaan terpinga-pinga itu, Henry **terhidu** bau hangit seperti sesuatu terbakar.

Ketiga, kata kerja yang merujuk rupa atau penampilan sesuatu. Bezanya, kata kerja ini tidak mendeskripsikan penanggap, tetapi objek. Kata kerja ini juga bersifat bukan progresif seperti yang berikut:

- (27) Seluar pendeknya **berbau** hapak.
- (28) Datin Rosniah **kelihatan** ayu berbaju kurung hijau pucuk pisang.
- (29) Ketika itu juga **kedengaran** bunyi berdentum yang begitu menggerunkan.

Oleh hal yang demikian, memandangkan antara ciri utama predikat keadaan adalah tidak boleh hadir dengan progresif (Maslida Yusof, 2008, 2009 dan 2012) maka kata kerja persepsi yang menganggotai kata kerja keadaan adalah daripada kategori yang kedua. Kata kerja ini termasuk dalam subkelas kata kerja keadaan kerana tidak ada lakuan atau aktiviti dinamik yang berlaku. Misalnya, sekiranya kita terlihat sesuatu, visi atau objek yang dilihat itu yang mendatangi mata kita kerana keadaan mata kita yang terbuka, dan bukan disebabkan adanya aksi yang dilakukan untuk memandang. Objek yang dilihat pula bukanlah sesuatu yang dilihat kerana desakan atau keinginan seseorang untuk melihat, tetapi ditanggapi kerana keadaan mata yang terbuka.

Hal ini sama sekali berbeza dengan lakuan “melihat” apabila mata memfokuskan pada sesuatu yakni menggunakan mata secara aktif untuk memerhati sesuatu atau seseorang seperti dalam ayat (31) dan (32). Demikian juga dengan kata kerja “menonton”, yakni istilah lain bagi “lihat” yang digunakan apabila kita melihat sesuatu secara berterusan dan dalam jangka masa yang lama serta perkara atau objek yang dilihat itu pula berubah atau bergerak.



- (30) Saya **lihat** matanya berkaca.
- (31) Kak Lia **lihat** adegan Yusman memapah kanak-kanak lelaki itu ke dalam kereta.
- (32) Syarifah Azizah keluar ke depan, **men-(t)onton** televisyen seorang diri sambil mulutnya mengetip-ngetip kuaci.
- (33) Begitu seronok **men-(t)onton** aksi ligat kanak-kanak dan anjing-anjing Dalmations yang nakal.

Seperti kata kerja keadaan persepsi “lihat”, ahli bagi subkelas kata kerja keadaan juga perlu diasingkan daripada kata kerja “dengar” yang merujuk aktiviti. Apabila kita mendengar apa-apa suara atau bunyi daripada sesuatu objek atau entiti dan suara atau bunyi itu datang kepada pendengaran kita kerana kita mempunyai telinga atau pendengaran yang baik serta tidak membabitkan apa-apa aksi untuk mendengar, maka “dengar” ialah kata kerja keadaan. Contohnya, seperti dalam (34) dan (35).

- (34) Setiap waktu sembahyang saya **ter-dengar** azan berkumandang.
- (35) Dia **ter-dengar** bunyi ranting kayu dipijak orang.

Namun begitu, kata kerja “dengar” akan menjadi kata kerja aktiviti seandainya seseorang memusatkan perhatian kepada suara atau bunyi kemudian mendengar, menyemak atau menganalisis bunyi tersebut dengan teliti seperti dalam (36) dan (37).

- (36) Siti banyak belajar daripada penyanyi popular tanah air dengan **men-dengar** radio.
- (37) Ibunya terdiam seketika **men-dengar** hujahnya yang panjang itu.

Seperti kata kerja persepsi “lihat”, untuk menentukan subkelas kata kerja “dengar” ciri kesengajaan atau kemahuan diambil kira. Sekiranya rangsangan yang didengar oleh penanggap disebabkan penanggap mempunyai telinga dan bunyi itu datang kepadanya tanpa memerlukan penanggap melakukan apa-apa aksi, maka “dengar” merupakan subkelas keadaan. Sebaliknya, jika bunyi yang didengar itu memerlukan telinganya untuk mendengar dengan teliti, maka “dengar” subkelas aktiviti.

Demikian juga dengan persepsi hidu, kata kerja tersebut termasuk dalam subkelas ini sekiranya memerihalkan penanggapan deria hidu

(yakni hidung) yang dirangsang oleh sesuatu yang berbau. Misalnya, dalam (38) dan (39).

(38) Norajij **terhidu** bau hangit belerang letupan menyusuk hidung.

(39) Aku **terbau** bunga orkid sebelum aku menoleh.

Kesimpulannya, kata kerja yang melibatkan persepsi akan tergolong dalam kata kerja keadaan seandainya apa-apa penanggapan sama ada lihat, dengar, hidu dan rasa berlaku bukan disengajakan dan di luar kawalan penanggap itu sendiri. Dalam kata lain, entiti yang ditanggapi itu yang mendatangi pelaku lantaran deria penglihatan, hidu dan pendengaran yang dimiliki pelaku, bukan sengaja dilakukan dan disebabkan oleh pelaku. Disebabkan ciri ketidaksengajaan ini, maka kata kerja persepsi yang menjadi subkelas kata kerja keadaan ini kesemuanya melibatkan kata terbitan, iaitu *ter-lihat*, *ter-pandang*, *ter-dengar*, *ter-hidu*, dan *ter-bau*. Awalan *ter-* yang terdapat pada setiap kata kerja tersebut menimbulkan makna ketidaksengajaan sekali gus membezakannya dengan kata kerja persepsi aktiviti (subkelas persepsi terarah dalam subkelas kata kerja aktiviti).

## PREDIKAT KEADAAN KOGNISI

Subkelas ini terdiri daripada kata kerja yang mengekspresikan keadaan atau aktiviti mental seseorang. Van Valin (2005:206), mendefinisikan kata kerja kognisi sebagai “*An expression of knowledge or mental activity*”. Contoh dalam bahasa Inggeris *Aaron knows that the earth is round*. Asmah Haji Omar (1993:86) mendefinisikan kata kerja ini sebagai kata kerja yang merujuk hal yang berhubung dengan akal fikiran. Contoh yang disenaraikan beliau bagi bahasa Melayu antaranya termasuklah *ingat*, *fikir*, *percaya*, dan *yakin*. Sementara Knowles dan Zuraidah Mohd Don (2006:120) menyatakan “...kata kerja seperti *faham*, *tahu*, dan *sedar* yang berupa kata kerja transitif, tetapi ia biasanya tidak mempunyai pasif dan digunakan tanpa *meN-*. Ia boleh diperlakukan sebagai pseudo-transitif dengan menggunakan *meN-* dan *-saya* bersama-sama, misalnya, ‘Saya memahami dirinya’ lantaran frasa nama berikutnya kelihatan seperti objek nahu...”. Hal ini demikian kerana kata kerja *faham*, *tahu* dan *sedar* yang menganggotai subkelas ini membawa pengertian “pengetahuan” akan sesuatu seperti dalam contoh ayat yang berikut:

- (40) Anak yang sudah **faham** akan kelemahan ibu atau bapa mereka akan pandai mengeksploitasi keadaan.
- (41) Kita **tahu** akan pengisian zaman ketamadunan manusia hingga memungkinkan sesuatu zaman menjadi sinonim dengan umpamanya tamadun batu, logam, seramik, kaca, dan, plastik.
- (42) Dia **sedar** akan hakikat bahawa isterinya sendiri berada dalam ketakutan.

## PREDIKAT KEADAAN KEMAHUAN

Perkataan yang menganggotai subkelas ini terdiri daripada kata kerja yang berkaitan dengan pengalami yang berkehendakkan sesuatu dengan kemahuaannya. Beth Levin (1993:194) pula menyatakan bahawa kata kerja ini adakalanya dikelompokkan dalam kata kerja psikologi dan subjeknya ialah pengalami. Subkelas kata kerja ini dalam bahasa Melayu antaranya *ingin*, *hendak* dan *mahu*. Yang berikut merupakan beberapa contoh ayat bagi kata kerja subkelas ini.

- (43) Mereka cuma **mahu** seorang guru agama untuk mengajar dan membimbing mereka mendalami ajaran-ajaran agama dunia dan akhirat.
- (44) Jika anda **ingin** solekan tidak keterlaluan, pilihlah solekan semula jadi daripada warna seperti sawo matang dan warna berasaskan coklat.
- (45) Pak Tam **hendak** melaburkan seluruh wangnya sebagai modal perniagaan itu.

## PREDIKAT KEADAAN KEPUNYAAN

Kata kerja dalam subkelas ini merujuk hubungan asimetri antara dua konstituen, iaitu pemilik dan benda yang dimiliki. Dalam bahasa Inggeris Seiler (1983 dalam Michael Herslund & Irene Baron, 2001:85) ada menyatakan, "*The verb HAVE establishes a possessive relation between two entity*". Walau bagaimanapun, pengertian kepunyaan atau pemilikan ini bukanlah suatu yang mudah kerana kepelbagaian makna yang diberinya seperti dakwaan Michael Herslund & Irene Baron (2001:1), "*Possession is a very elusive notion. It is a complex and vague notion which an order to expressed has to draw on different linguistics structures*".

Kedua-dua sarjana ini juga menyifatkan kata kerja HAVE yang menganggotai subkelas kata kerja keadaan hanya sekadar menunjukkan

status pemilikan (yakni ada atau tiada) seseorang tanpa menghiraukan usaha, aktiviti atau proses yang dilakukan sebelumnya untuk memiliki benda tersebut. Oleh sebab itu, tidak terkandung makna atau aktiviti “mencipta” dalam kata kerja tersebut. Misalnya dalam ayat “*Charles has a house*”, *has* dalam ayat ini hanya menyatakan keadaan Charles mempunyai sebuah rumah tanpa mempertimbangkan sama ada Charles terlibat dalam aktiviti atau usaha membina atau mereka bentuk rumah tersebut sebelum rumah tersebut dimilikinya (Michael Herslund & IréYne Baron, 2001:92).

Pelbagai terma yang diberi oleh Bernd Heine (dalam Michael Herslund & IréYne Baron, 2001:312-13) boleh diguna pakai dalam memahami makna yang dibawa oleh ahli bagi subkelas ini seperti yang berikut:

- (a) Kepunyaan fizikal (*Physical Possession*)<sup>3</sup> (*I want to fill this form, do you have a pen?*)
- (b) Kepunyaan sementara (*Temporary Possession*)” (*I have a car that I used to go to the office but it belong to Judy*)
- (c) Kepunyaan tetap (*Permanent Possession*) (*Judy has a blue car but I use it all the time*)
- (d) Kepunyaan yang tidak dapat diubah (*Inalienable Possession*) (*I have a blue eyes*)
- (e) Kepunyaan abstrak (*Abstract Possession*) (*He has no time/no mercy*)
- (f) Kepunyaan bukan bernyawa (*Inanimate Possession*) (*My study has three windows*)

Dalam bahasa Melayu pula, subkelas ini diistilahkan sebagai kata kerja yang menyatakan milik atau kepunyaan dan kata kerja ini amat terbatas jumlahnya (Asmah Haji Omar, 1993:85). Kata kerja tersebut ialah *ada*, *punya*, *milik*, *mempunyai*, *memiliki*. Maslida Yusof (2006:154) juga turut menamakan kata kerja *ada* sebagai ahli subkelas ini. Namun demikian, berdasarkan padanan dengan subkelas kata kerja keadaan kepunyaan dalam bahasa Inggeris, *mengandungi*, *terdiri* (*daripada*), *berisi* juga boleh dipertimbangkan untuk menganggotainya.

Yang berikut merupakan beberapa contoh ayat yang menggunakan kata kerja kepunyaan dalam bahasa Melayu.

- (46) Saya **ada** hadiah untuk kamu. (Kepunyaan fizikal)
- (47) Saya **ada** 100 hingga 150 pesakit tetapi kami beri dosej sebulan sekali dan benarkan mereka pulang ke rumah. (Kepunyaan sementara)

- (48) Burung hantu **mem-punya-i** mata yang besar. (Kepunyaan yang tidak dapat diubah)
- (49) Satu bentuk rumah Melayu tradisi di Kelantan dan Terengganu, **meng-kandung-i** dua belas tiang utama pada rumah ibu. (Kepunyaan tetap)
- (50) Saya **mem-punya-i** masalah dalam percintaan. (Kepunyaan abstrak)
- (51) Saya dan Afdlin hanya **ada** satu jam setengah untuk menghiburkan mereka. (Kepunyaan bukan bernyawa)

## PREDIKAT KEADAAN PENGALAMAN DALAMAN

Subkelas ini terdiri daripada kata kerja berhubung dengan perasaan atau sensasi yang dirasakan pengalami.<sup>4</sup> Dalam bahasa Melayu, predikat yang membawa maksud ini ialah perkataan *rasa*. Walau bagaimanapun, makna rasa yang terdapat dalam subkelas ini mestilah diikuti oleh predikat adjektif pancaindera, seperti manis, tawar, pahit, panas, dan sejuk; predikat adjektif perasaan, misalnya seronok, sedih, kecewa, takut atau predikat adjektif keadaan, seperti sakit, lesu dan sebagainya. Hal ini untuk membezakannya dengan makna bagi kata kerja rasa dalam subkelas keadaan yang lain.<sup>5</sup> Kata dasar *rasa* ini juga biasanya diimbuhkan dengan awalan me- atau ber- menjadi “berasa” dan “merasa” apabila direalisasikan dalam bentuk bertulis.

Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1993:60) juga pernah menyentuh perihal kata kerja “merasa” dan “berasa” ini. Walau bagaimanapun, istilah yang digunakan mereka ialah kata kerja kopulatif. Menurutnya, kata kerja ini merupakan kata kerja transitif berpelengkap yang memerlukan komplemen untuk melengkapkan maksudnya. Golongan kata bagi kelas tersebut juga sangat terbatas jumlahnya. Kata kerja *berasa* atau *merasa* ini boleh diikuti oleh kata sifat yang menyatakan perasaan seseorang, seperti sedih, cemburu, lega, marah, malu, tenteram, lapar, haus dan dahaga. Tidak seperti bahasa Inggeris yakni *feel*, kedua-dua ahli tatabahasa ini membezakan maksud *berasa* atau *merasa*; *berasa* digunakan untuk menyatakan rasa yang dialami oleh anggota badan atau lidah, sementara *merasa* pula melibatkan hati dan perasaan.

Sementara Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (PRPM, DBP) menyatakan kedua-dua perkataan tersebut terbitan daripada kata *rasa* dan maknanya kedua-duanya hampir sama merujuk *Kamus Dewan Edisi Keempat (KDE4)*. Dari segi amalannya, perkataan *berasa* biasanya dikaitkan dengan makna (i) mendapat rasa (yang dialami

oleh bahagian badan) seperti berasa sakit dan (ii) mengalami rasa di dalam hati seperti berasa suka (*KDE4*, 2007:1105); manakala *merasa* pula biasanya dikaitkan dengan makna (i).

Namun demikian, berdasarkan data korpus yang dijana, didapati tiada penggunaan yang merujuk sama ada mempunyai rasa (manis, masam, pahit dll) untuk kata kerja berasa (*KDE4*, 2007:1105) ditemui oleh pengkaji. Bahkan, data yang disajikan menunjukkan seolah-olah antara kedua-duanya tiada perbezaan langsung dari segi penggunaan dalam ayat. Ayat berikut merupakan contoh penggunaan kata kerja subkelas ini yang diperolehi daripada data.

**(i) rasa**

- (52) Kami **rasa** bangga apabila berada di atas pentas.
- (53) Aku **rasa** kecewa dengan sikapmu yang tidak langsung pedulikan diriku lagi.
- (54) Saya **rasa** cemburu dan syak dia mempunyai teman lelaki lain.
- (55) Dia tidak dapat menelan makanan itu kerana tekaknya rasa pahit.

**(ii) berasa**

- (56) Ada kalanya Syarifah Aini **berasa** letih melayannya.
- (57) Aku **berasa** pedih apabila badanku bergesel dengan benda lain.
- (58) Mata saya pun **berasa** perit.
- (59) Hati Non **berasa** sayu apabila emak mengadu akan kesunyian.

**(iii) merasa**

- (60) Shasha **merasa** malu apabila melihat lakonannya.
- (61) Saya **merasa** sedih dengan sikap saudara yang mengatakan tudung hanya sebagai fesyen dan bukannya melambangkan ciri-ciri wanita Islam.
- (62) Saya **merasa** lega kerana tidak lagi melihat penderitaannya.
- (63) Baginda **merasa** gembira mendengar berita tersebut.
- (64) Ahmad **merasa** amat mengantuk semasa kelas Sejarah tadi.

Walau bagaimanapun, dalam bahasa Melayu, kata kerja ini tidak direalisasikan dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Hal ini kerana kata adjektif yang mengikutinya itu telah terkandung makna rasa di dalamnya.<sup>6</sup> Oleh itu, penutur natif cenderung menggugurkannya kerana ketiadaannya tidak menjejaskan makna yang ingin disampaikan.

## PREDIKAT KEADAAN EMOSI

Predikat keadaan emosi berkaitan perasaan seseorang dengan sasaran perasaan tersebut. Sasaran inilah yang membezakan antara subkelas ini daripada subkelas kata kerja keadaan pengalaman dalaman. Predikat bahasa Melayu yang berkaitan dengan perasaan ialah mengagumi, meminati, menghargai, berharap, gemar, menyanjungi, memuja, rindu, cinta, menikmati, hormat, percaya, cemburu, gemar, mengesyaki, benci, kesal dan kecewa. Yang berikut merupakan contoh ayat yang mengandungi subkelas ini daripada data.

- (65) Tapi dia **cemburu** dengan adiknya sendiri.
- (66) Saya **sayang** akan rumah saya.
- (67) Mereka **rindu** dengan surau itu.
- (68) Mereka **hormat** dengan kejayaanku dan aku menghargai itu.
- (69) Orang Malaysia **gemar** coklat dalam bentuk salutan seperti coklat bersalut wafer, biskut, kacang dan jeli.

## PREDIKAT KEADAAN SIKAP PROPOSISI

Predikat yang menganggotai subkelas ini merujuk orang yang mempertimbangkan dan pertimbangan yang dibuat. Van Valin (2005:206) pula menambah deskripsi bagi subkelas sikap proposisi ini sebagai yang berikut:

*... the expression of a participant's attitude, judgement or opinion regarding state of affair; e.g Carl believes that UFO's are the menace to the earth, Paul considers Carl to be a fool, Most fans want very much for their team to win..*

Berdasarkan pandangan Van Valin di atas, maka dalam bahasa Melayu predikat yang menganggotai kategori ini boleh terdiri daripada kata percaya, yakin, menyangka, menduga, menganggap dan mengharap. Soh dan Nomoto (2009:156) pernah menyenaraikan kata kerja *meng-anggap*, *meny-(s)angka*, *men-duga* dan *meng-harap* dengan mengistilohkannya sebagai kata kerja keadaan mental (*mental "state" verbs*). Yang berikut merupakan dua contoh ayat yang diberi oleh kedua-dua sarjana tersebut:

- (a) Mereka **meng-anggap** dia orang yang tidak boleh diharap.
- (b) Dari tadi dia **men-duga** bahawa perkara itu akan berlaku.

Nathan Salmon dan Scott Soames (1988:1) pula mendefinisikan proposisi sebagai hal yang seseorang itu percaya, tidak percaya, atau penilaian kita tentang sesuatu. Misalnya, apabila seseorang takut akan kegagalan, atau berharap untuk berjaya, apabila ia berusaha untuk meneka dan memastikan sesuatu, maka maksud bagi sikap tersebut ialah proposisi.<sup>7</sup> Dalam kata lain, predikat ini berkait dengan kepercayaan, sangkaan atau pertimbangan seseorang terhadap sesuatu perkara. Yang berikut merupakan beberapa contoh ayat yang mengandungi kata kerja dalam subkelas ini.

- (70) Aku **yakin** bahawa Tuhanlah yang menentukan nasib manusia.
- (71) Pendek kata, orang Greek **percaya** bahawa asal usul satu-satu perkataan itu dapat dilihat dari “persamaan rupanya” dengan benda yang dinamakan itu.
- (72) Mereka **anggap** Islam BN hanyalah kosmetik dan hipokrisi.
- (73) Saya **sangka** semuanya berjalan dengan baik kerana tidak ada apa-apa yang ganjil berlaku.
- (74) Saya **harap** cerita ini adalah cerita dongeng sahaja.

## **PREDIKAT KEADAAN ATRIBUTIF**

Subkelas ini terdiri daripada perkataan yang menerangkan sifat atau rupa jati suatu kata nama.

Van Valin dan La Polla (1997:125-126) juga menjelaskan bahawa:

*... The logical structure in internal experience and attributive/identificational are somewhat unusual, in that second argument position is filled by a predicate, rather than a referring expression, which is normally realized as the predicate or as a part of the predicate in the nucleus...*

Rainer Osswald & Thomas Gamerschlag (2010:1) menyatakan pendapat mereka berkaitan dengan subkelas ini, iaitu;

*... By an attribute verb (or dimensional verb) we mean a verb that, in one of its senses, characterizes an entity by specifying the value of an attribute of that entity. Attribute verbs are by definition stative.*



Predikat dalam subkelas ini mencirikan suatu entiti dengan menentukan nilai terhadap sifat entiti tersebut. *Kamus Linguistik* (1997:203) pula mendefinisikan atribut atau sifat sebagai kata yang menerangkan kata nama dalam frasa nama. Contohnya, dalam ayat “Baju merahnya sudah hilang”, merah ialah sifat yang menerangkan baju dalam frasa nama baju merah. Oleh sebab itulah, atributif atau sifat dalam *Kamus Linguistik* ini juga dinamakan sebagai kata sifat cantum. Begitu juga dalam bahasa Inggeris, pencantuman kata sifat ini turut dilihat apabila sebilangan kata kerjanya secara inheren menyekat atau menentukan nilai atribut yang dikodkannya. Contohnya kata kerja *bulge* dalam ayat *The bag bulges (with papers)*. Percantuman tersebut juga dapat dilihat apabila kata kerja ini boleh digunakan sebagai pemboleh ubah kata nama (yakni bertindak sebagai subjek misalnya *the red shirt, the short pants*). Adakalanya terdapat penggunaan kopula misalnya “is” (*The shirt is red, He is thin*) yang hadir bersama-sama kata kerja subkelas ini.

Asmah Haji Omar (1993:130) berpendapat bahawa kata sifat merupakan subgolongan daripada golongan kata karyaan (kata kerja). Antara ahli bagi subkelas ini dalam bahasa Melayu ialah ukuran seperti *panjang, besar, berat, nipis, jauh, pekat*; bentuk seperti *bulat, kempis, gelembung*; warna seperti *putih, kuning*.

Yang berikut merupakan beberapa contoh penggunaan kata kerja dalam subkelas ini yang diperoleh daripada data.

- (75) Pokok ini **besar** tetapi buahnya kecil.
- (76) Wajahnya **bulat** dan kurang jelita.
- (77) Warna-warna **sejuk** adalah lembut dan ia melambangkan suasana yang sayu, sunyi, damai, tenang dan sebagainya.
- (78) Kulitnya **putih**, badannya kecil dan berusia awal 20-an.

## PREDIKAT KEADAAN IDENTIFIKASI

Subkelas ini digunakan untuk mengidentifikasi seseorang atau sesuatu. Subkelas ini menandakan predikat identiti yang terdapat dalam argumen kedua yakni terdiri daripada predikat nominal atau kata nama. Oleh sebab itu, maka dapat disimpulkan ahli bagi subkelas merupakan predikat frasa nama yang merujuk identiti atau pengenalan diri seseorang. Misalnya berkaitan (i) profesion seperti guru, nelayan, penoreh, jururawat, tentera;

dan (ii) status diri yakni bujang, duda atau janda. Contoh ayat bagi subkelas ini adalah seperti yang berikut:

(79) Ravi Kumar seorang **duda** berumur 32 tahun dan beranak tiga.

(80) Zanaliah merupakan **guru** tadika di Batu 18 daerah Hulu Langat.

Dalam menerangkan subkelas predikat ini, Van Valin dan LaPolla (1997:25) menerangkan dalam bahasa Inggeris, predikat bukan kata kerja (bukan verbal) memerlukan kopula *be* atau beberapa jenis kopula untuk mengepalai predikatnya, namun hal ini tidak semestinya dijadikan syarat wajib bagi bahasa lain di dunia. Harus diingat bahawa bahasa itu, selain ciri universal, juga unik lantaran memiliki ciri khususnya yang bukan hanya membabitkan sistem bunyi, bahkan juga pembentukan kata dan juga ayat. Dalam bahasa lain di dunia, terdapat ayat seperti *John is a doctor* yang hanya merujuk *doctor* sebagai predikat tanpa apa-apa kopula. Misalnya dalam bahasa Rusia, *Ivan vrač (John doctor-NOM)*. Hal ini juga terdapat dalam bahasa Melayu misalnya “Encik Ahmad guru sekolah menengah”, “Ayah Ali peguam”, “Nadiyah jurutaip” dan “Dia wartawan”.<sup>8</sup>

## PREDIKAT KEADAAN SPESIFIKASI

Ahli bagi subkelas ini merupakan predikat yang memberi rujukan khusus kepada entiti yang dirujuknya. De Clerck (1988 dalam Pavey 2004:29) menyatakan ayat spesifikasi sebagai “*whose semantic function is to specify a value for a variable*”. Dengan memberi contoh ayat *The one who stole the money is Fred*, beliau menghuraikan bahawa “*...specifies the value (Fred) for the variable described as ‘the X that stole the money’*”.

Dengan demikian, penentu nilai (Fred) bagi pemboleh ubah digambarkan sebagai *x* yang mencuri wang. Beliau turut menyatakan bahawa definisi ini berbeza dengan kajian oleh penahu lain, maka ayat ini diberi istilah identifikasi, ekuatif atau ekuasional (De Clerck 1988 dalam Pavey, 2004:29). Demikian juga dengan contoh berikut:

(i) *The bank robber is John Thomas.*

(ii) *The only people that can help you are the Prime Minister and Queen herself.*

(De Clerck, 1988:5)

Ayat ini jelas menunjukkan definisi bagi spesifikasi. Dalam maksud yang lebih mudah, predikat subkelas ini digunakan untuk merujuk atau menunjukkan entiti yang khusus atau spesifik yang dimaksudkan oleh pemboleh ubah atau pernyataan yang diberi. Misalnya dalam ayat (b), pernyataan “orang yang boleh menolong anda” hanya dispesifikkan kepada dua orang sahaja, iaitu *the Prime Minister and Queen herself* sahaja. Begitu juga dengan perompak bank dalam ayat (a) dirujuk khusus kepada John Thomas. Hal ini akan membawa pengertian yang berbeza jika kedua-dua entiti ini bertukar tempat. Dalam kata lain, jika ayat ini diterbalikkan menjadi *John Thomas is the bank robber* yakni *John Thomas* menjadi pemboleh ubah dan *the bank robber* ialah nilai menyebabkannya tidak lagi bersifat spesifik kerana John Thomas boleh diberi nilai selain *the bank robber* (umpamanya *the unemployed, terrorist, the criminal*).

Oleh hal yang demikian, apa-apa ungkapan yang memberi rujukan khusus kepada suatu entiti itu merupakan ahli bagi subkelas ini. Hal ini sepadan dengan definisi yang diberi oleh Nik Safiah Karim *et al.* (2008:96) berkaitan kata nama khas, iaitu kata yang mendukung rujukan khusus pada sesuatu nama orang, haiwan, benda, perbadanan (institusi), undang-undang, bangsa, bahasa, pangkat, dan seumpamanya. Misalnya, Ali, Zaiton, Melaka dan sebagainya yang terdapat dalam elemen predikat sesuatu ayat. Dalam kata lain, seperti subkelas identifikasi, subkelas ini juga terdiri daripada predikat frasa nama. Yang berikut merupakan contoh ayat bagi ahli yang mewakili subkelas ini yang terdapat dalam data.

(81) Seorang penyair yang paling ke depan kini ialah **Zurinah Hassan**.

(82) Tiga negara lain yang diterima masuk pada sidang kemuncak kali ini ialah **Rusia, Peru dan Vietnam**.

## KATA KERJA KEADAAN PERSAMAAN

Menurut Van Valin (2005), predikat persamaan (*equational predicates*) adalah unik dalam hal posisi dua argumennya menetapkan peranan semantik yang sama. Misalnya dalam contoh yang berikut:

*Kim's sister is Sandy's lawyer.*

**menyamakan'**(Kim's sister, Sandy's lawyer) ; x,y = rujukan

Maknanya, predikat ini hanya melibatkan identiti rujukan yang sama, bukan seperti peranan semantik dalam pengertian biasa. Dalam kata

lain, kedua-dua argumen saling merujuk antara satu sama lain; dan tidak mempunyai perkaitan tematik tertentu seperti subkelas tertentu. Van Valin (2005:48) juga menyatakan bahawa kedua-dua posisi bagi dua argumen ini merupakan pernyataan merujuk antara satu sama lain, dan identiti rujukannya ditekankan. Hal ini menyebabkan tidak terdapat perbezaan semantik dalam kedua-dua contoh ayat *Kim's sister is Sandy's lawyer* dan *Sandy's lawyer is Kim's sister*.

Predikat subkelas ini berfungsi memerihalkan identiti dan mirip tanda sama dalam Matematik (R.L Trask, 2007). Demikian juga dalam ayat "*The largest planet in our solar system is Jupiter*". Ayat ini boleh diterbalikkan dan membawa maksud yang sama iaitu "*Jupiter is the largest planet in our solar system*".

Oleh hal yang demikian, dalam bahasa Melayu padanannya terlihat sebagai kata pemerih "*ialah*" yakni pemerihalan secara persamaan antara subjek dengan predikat atau ekuatif (Nik Safiah Karim *et al.*, 2008:263). Misalnya:

- (a) Antara perkara yang dibicarakan dalam buku itu *ialah* masalah moral negara.
- (b) Bahasa Melayu *ialah* salah satu bahasa yang tergolong dalam keluarga Austronesia.

( Nik Safiah Karim *et al.*, 2008:263)

Kewajaran "*ialah*" padanan kata kerja bagi subkelas ini juga boleh mengambil kira pandangan Idris Aman (2006:215) yang menyimpulkan "*ialah*" didapati lebih digunakan sebagai pemerih data khusus berdasarkan batasan perenggan data korpus yang dianalisisnya. Beliau seterusnya mendefinisikan "*ialah*" secara dominan digunakan untuk memerihalkan atau menyatakan sesuatu idea baru (rema) secara lebih khusus, rinci, serta bersifat takrifan.

Mohd Azemi Mohd.Yusoff (1998:589-95) ada menyentuh perihalan "*ialah*" yang diistilahkan beliau sebagai "kata kerja pemerihan". Hal ini demikian kerana "*ialah*" disifatkan beliau sebagai "perkataan yang mempunyai peribadi yang sama dengan kata kerja dan kata sifat serta mampu mengembangkan makna setelah terjadinya hubungan dengan unsur sebelum dan sesudahnya". Walau bagaimanapun, pemerihan unsur sesudahnyalah yang memperkukuh pencetusan makna konsep kata kerja tersebut. "*Ialah*" bertindak sebagai "perkataan yang memerikan unsur yang berada dalam Frasa Nama (FN) memperlihatkan sikapnya seperti perilaku perbuatan, berada dalam keadaan, dan mengalami proses keterjadian

tersebut”. Tambahnya lagi, meskipun secara kendirinya kata ini tidak berupaya memaknakan dirinya, namun hubungannya dengan unsur sebelum dan sesudahnya mempamerkan perilakunya seperti perilaku yang ditampilkan oleh kata kerja.

Yang berikut merupakan beberapa contoh ayat bagi subkelas ini yang terdapat dalam data:

- (83) Cikgu Ahmad **ialah** guru Bahasa Melayu di sekolah kami.
- (84) Batu Hampar ini **ialah** tempat Sultan berehat-rehat sambil bermain catur bersama pelawat-pelawat yang datang pada waktu petang.

Adakalanya “ialah” dalam ayat (83) dan (84) ini boleh ditiadakan dan diganti dengan tanda koma untuk memisahkan subjek daripada predikat (atau antara dua rujukan; x dan y) sekali gus menyatakan pemerian subjek (x) terdapat dalam predikat (y). Contohnya:

- (83a) Cikgu Ahmad, guru Bahasa Melayu di sekolah kami.
- (84a) Batu Hampar ini, tempat Sultan berehat-rehat sambil bermain catur dengan pelawat-pelawat yang datang pada waktu petang.

Jadual 1 merumuskan subkelas kata kerja keadaan berserta predikat kata yang menganggotainya dalam bahasa Melayu.

**Jadual 1** Subkelas kata kerja keadaan dan predikatnya dalam bahasa Melayu.

Subkelas	Kata Kerja
Kondisi	letih, penat, sakit, sembuh, lapar, kenyang, rosak, bersih, kotor, masak (buah), musnah, binasa, dahaga, kosong (rumah), kotor, seronok, riang, ria, gembira, bahagia, runsing, sedih, kecewa, koyak, pecah, patah, remuk, kusut, surut
Kehadiran	ada, wujud, sedia
Lokasi	tinggal, menetap, hidup, berada, terletak, duduk, berbaring, berdiri, meniarap
Persepsi	terpandang, terlihat, terhidu, terdengar
Kognisi	tahu, sedar, faham, ingat, lupa
Kemahuan	ingin, hendak, mahu.
Sikap Proposisi	percaya, yakin, anggap, sangka
Pemilikan	ada, punya, milik

Samb. Jadual 1

Subkelas	Kata Kerja
Pengalaman Dalaman	rasa
Emosi	mengagumi, meminati, menghargai, berharap, gemar, menyanjung, memuja, rindu, cinta, menikmati, hormat, percaya, cemburu, gemar, mengesyaki, benci, kesal, kecewa, sayang.
Atributif	ukuran - panjang, besar, kecil, berat, nipis, jauh, pekat; bentuk - bulat, kempis, gelembung; warna - putih, kuning.
Identifikasi	(i) Predikat frasa nama (i) profesyen seperti guru, nelayan, penoreh, jururawat, tentera; (iii) status diri yakni bujang, janda atau duda.
Spesifikasi	Predikat frasa nama yang mengandungi kata nama khas seperti Ali, Zaiton, Melaka
Persamaan	ialah

## KESIMPULAN

Subkelas kata kerja keadaan yang disenaraikan berasaskan definisi perkaitan tematik mengikut posisi argumen struktur logik yang diadaptasi daripada Van Valin (2005:55). Konsep kata kerja yang menjadi ahli bagi subkelas tersebut berpegang pada fitur yang dimiliki oleh kata kerja keadaan berdasarkan klasifikasi *aktionsart*, iaitu fitur [+statik] [-dinamik] [-telik] [-ketepatan masa]. Makalah ini telah menunjukkan klasifikasi predikat keadaan yang turut memperjelas ciri dan kandungan predikat keadaan dalam bahasa Melayu. Dengan demikian, predikat keadaan merupakan situasi yang mengandungi satu peristiwa atau situasi yang bersifat malar dan berterusan.

## NOTA

1. Istilah predikat dalam konteks makalah ini tidak terbatas kepada kata kerja sahaja tetapi merangkumi juga kata adjektif dan kata nama sebagaimana dinyatakan oleh Van Valin dan LaPolla (1997:25) bahawa tidak semestinya dalam sesuatu bahasa itu elemen predikatnya kata kerja.
2. Dalam konteks ini bermaksud "...duduk (tinggal di, berkediaman di)..” (KDE4, 2005:533)

3. "There is a person who has some thing and this person passes over the thing with his/her hands to another person who receives it with his/her hands." (Newman, 1996: 37).
4. Terdapat juga bahasa lain di dunia yang cuba menunjukkan perbezaan ini dengan lebih jelas. Misalnya Bahasa Bonggi (bahasa Austronesia Barat) yang dituturkan di Malaysia (Boutin, 1994). Kata dasarnya diimbuhkan dengan cara yang berbeza bergantung pada sama ada berkaitan dengan kata kerja keadaan kondisi (*condition stative*) atau kata kerja keadaan pengalaman (*experiential statives*). Sebagai contoh, kata kerja "ramig" (*sejuk*) muncul sebagai "me-ramig" sekiranya kata ini kata kerja keadaan kondisi dengan makna "cold to touch" dalam ayat "Sia me-ramig" yakni *It is cold*. Kata dasar tersebut akan menjadi "rimig-adn" yakni kata kerja keadaan pengalaman dengan makna merasa sejuk "feel cold" dalam ayat "Ou-rimig-adn" yakni *I am/feel cold* (Van Valin & LaPolla, 1997:103).
5. "Rasa" juga menganggotai subkelas lain dalam kata kerja keadaan ini, iaitu subkelas persepsi dan sikap proposisi.
6. Misalnya malu, sedih, gembira dan bangga tergolong dalam kata adjektif perasaan.
7. "Propositions are what we believe, disbelieve, or suspend judgement about. When you fear that you will fail, or hope that you will succeed, when you venture a guess or feel certain about something, the object of your attitude is a proposition. That is what propositions are.." (Nathan Salmon & Scott Soames, 1988:1).
8. Contoh ini diambil daripada Nik Safiah Karim *et al.* (2008:439 -41)

## RUJUKAN

- Abdullah Hassan, 2006. *Linguistik Am. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdullah Hassan, 2006. *Morfologi. Siri Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Arbak Othman, 1989. *Imbuhan dalam Bahasa Malaysia*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka & Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Asmah Haji Omar, 2008. *Nahu Kemas Kini*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Asyraf, 2007. *Petunjuk Tatabahasa Bahasa Melayu*. Petaling Jaya: Sasbadi Sdn Bhd.
- Bailey, Kenneth D, 1987. *Method of Social Research*. 3rd Edition. New York: The Free Press.
- Beth Levin, 1993. *English Verb Classes and Alternation. A Preliminary Investigation*. London: The University of Chicago Press.
- Boutin, Michael, 2010. "A Role and Reference Grammar Account of Bonggi

- Adversative Constructions” dlm. Kenneth A. McElhanon and Ger Reesink, *A Mosaic of Languages and Cultures: Studies Celebrating the Career of Karl J. Franklin* 20-37. SIL e-Books, 19. [Dallas: SIL International.
- Dowty, R.D., 1979. *Word Meaning and Montague Grammar: The Semantics of Verbs and Times in Generative Semantics and in Montague's PTQ*. Holland: D. Reidel Publishing Company.
- Gerald O. Knowles & Zuraidah Mohd Don, 2006. *Word Class in Malaya: A Corpus-Based Approach*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Idris Aman, 2006. “Kata Pemerl ‘Adalah’ dan ‘Ialah’” dlm Zaharani Ahmad (ed.) *Aspek Nahu Praktis*, hlm 163-94. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jyh Wee Sew, “Kata Kerja: Mempelopori Suatu Penilaian Semantik Baru. Semantik” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Jun, hlm. 530–37, 1999.
- Kamus Dewan*, 2005. Edisi Empat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik*, 1997. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Klaus & Charlotte Wedekind (SIL), Abuzaynab Musa (Asmara), 2002. “RRG Universal Verb Classes vs. Beja Verb Classifications Based on Morphologies and Textual Functions”. The 2002 International Course and Conference on Role and Reference Grammar, July 27-28, 2002, University of La Rioja, Spain. [http://linguistics.buffalo.edu/people/faculty/vanvalin/rrg/vanvalin\\_papers/Wedekind.PDF](http://linguistics.buffalo.edu/people/faculty/vanvalin/rrg/vanvalin_papers/Wedekind.PDF) [Capaian 10 Oktober 2010].
- Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan, 1994. *Nahu Melayu Moden*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Maslida Yusof, Rogayah A. Razak & Zaharani Ahmad, “Pengelasan Kata Kerja Bahasa Melayu: Pendekatan Semantik Berdasarkan Role and Reference Grammar (RRG)” dlm. *Jurnal Bahasa* 8:2, hlm. 242 – 62, 2008.
- Maslida Yusof, “Preposisi Lokatif Bahasa Melayu Berdasarkan Kerangka Role and Reference Grammar (RRG)” dlm. *GEMA online Journal of Language Studies* 7 :1, 2009.
- Maslida Yusof, 2012. “Kata Kerja Bahasa Melayu: Klasifikasi Berdasarkan Kelas *Aktionsart*” dlm. Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal and Harishon Radzi (ed.), *Pemantapan dan Pembinaan Ilmu Linguistik Berasaskan Korpus* hlm. 263-78. Bangi: Penerbit UKM.
- Michael Herslund & IreYne Baron, 2001. *Semantic of The Verbs Have: Dimensions of Possession* dlm. <http://books.google.com.my/books>, hlm 85–95.
- Mohd Azemi Mohd Yusoff, “Makna Kata Pemerl dalam Ayat” dlm. *Jurnal Dewan Bahasa* Julai, hlm. 589–95, 1998.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2008. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rainer Osswald & Thomas Gamerschlag, 2010. “Attribute Verbs within and across



JURNAL BAHASA

- Languages”. Interdisciplinary Workshop on Verbs: The Identification of Verbs Feature (2010) dlm. [http://linguistica.sns.it/Workshop\\_verb/papers/Osswald\\_verb2010\\_submission\\_67.pdf](http://linguistica.sns.it/Workshop_verb/papers/Osswald_verb2010_submission_67.pdf).
- Soh Hooi Ling, 2008. “Awalan meN- Dalam Bahasa Melayu: Satu Morfem atau Dua Morfem?” Persidangan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: IPGM Kampus Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Soh Hooi Ling dan Hiroki Nomoto, “Progressive Aspect, The Verbal meN-, and Stative Sentences in Malay” dlm. *Oceanic Linguistic Journal* 48:1, 2009.
- Van Valin & LaPolla, 1997. *Syntax: Structure, Meaning and Function*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Van Valin, R., 2005. *Exploring the Syntax-Semantics Interface*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Vendler, Z., 1967. *Linguistics in Philosophy*. New York: Cornell University Press.
- Za’ba, 1965. *Pelita bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.